

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

5 lagi kes baharu tempatan, 2 import

Kuala Lumpur: Sebanyak tujuh kes baharu COVID-19 direkodkan semalam, membabitkan lima kes tempatan dan dua kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua kes tempatan dilaporkan di Sarawak, manakala tiada kluster dan kes kematian baharu dilaporkan.

“Daripada lima kes penularan dalam negara, dua kes adalah warganegara dan tiga kes bukan warganegara. Dua kes import membabitkan (masing-masing) satu kes dari Filipina dan Amerika Syarikat,” katanya dalam satu kenyataan.

Noor Hisham berkata, menerusi penambahan kes baharu itu, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 sebanyak 9,274 kes, dengan jumlah kes aktif kebole-hjangkitan COVID-19 adalah 184 kes.

“Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan, manakala jumlah kumulatif kes kematian kekal 125 kes atau 1.35 peratus daripada jumlah keseluruhan kes,” katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan enam kes sudah pulih COVID-19, semalam.

“Jumlah kumulatif kes sudah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 adalah 8,965 kes atau 96.7



Orang ramai diingatkan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan kerajaan bagi mengekang COVID-19.

(Foto hiasan)

peratus daripada jumlah keseluruhan kes,” katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, tiada kes baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar semalam, namun saringan kontak rapat dan aktiviti di lapangan tetap diteruskan bagi memutuskan penularannya.

Beliau berkata, setakat tengah hari semalam, seramai 3,436 individu disaring dalam kluster ini, 2,907 disaring di Kedah dan Pulau Pinang (518 disaring) serta kekal

11 saringan di Perak.

“Di Kedah, 54 kes dikesan positif COVID-19, 2,393 individu negatif dan 460 individu masih menunggu keputusan. Di Pulau Pinang, 11 kes dikesan positif COVID-19, 506 individu negatif dan satu individu masih menunggu keputusan,” katanya.

Kluster Tawar yang kebanyakannya bertumpu di Mukim Tawar, Kedah, menjadi kluster terbesar ketika ini dengan kes pertama kluster adalah lelaki warga

tempatan yang juga peniaga.

Lelaki itu dikatakan mempunyai sejarah menghadiri upacara keagamaan memperingati kematian ahli keluarga yang berlangsung dari 31 Julai hingga 1 Ogos lalu.

Rekod Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM) turut menunjukkan tiada kes baharu COVID-19 direkodkan membabitkan kluster PUI Sivagangga semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

Sputnik 'V' dalam perhatian kementerian

KUALA LUMPUR: Vaksin 'Sputnik V' yang dihasilkan Rusia untuk mengekang penularan pandemik Covid-19 sedang diteliti Kementerian Kesihatan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, kerajaan sedang menunggu laporan dari negara tersebut berkenaan fasa perkembangan vaksin yang kini berada di peringkat fasa tiga ujian klinikal.

Katanya, pemerolehan vaksin tersebut akan mengambil masa dan memerlukan kajian teliti bagi memastikan keberkesananannya.

"Terdapat 165 vaksin sedang dibangunkan oleh pelbagai negara manakala 65 vaksin lagi berada di fasa klinikal dan tujuh melalui fasa terakhir," katanya menjawab soalan tambahan Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa) di Dewan Rakyat

**“
165 vaksin sedang
dibangunkan oleh
pelbagai negara
manakala 65
vaksin lagi berada
di fasa klinikal
dan tujuh melalui
fasa terakhir.”**

NOOR AZMI GHAZALI

semalam.

Dalam pada itu, Dr. Noor Azmi berkata, tiada siapa mengatasi undang-undang berhubung pematuhan peraturan berkaitan pencegahan Covid-19.

"Ia bukan untuk mendera tapi menyelamatkan manusia. Malah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan menjalani kuarantin di rumah," katanya.

Sementara itu, **Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Port Dickson)** berkata, kerajaan perlu menambah suntikan dana fiskal yang lebih besar berbanding RM45 bilion, selaras dengan kadar penguncupan terkini iaitu 17.1 peratus.

"Kadar penguncupan terkini dilihat lebih parah jika dibandingkan negara lain seperti Thailand (antara 12 hingga 13 peratus), Singapura (13.2 peratus), Filipina (16.5 peratus), Australia (dianggarkan tujuh peratus), tetapi Malaysia 17.1 peratus.

"Jika dilihat pada suntikan

dana fiskal oleh Malaysia daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula adalah sekitar tiga peratus, jika dibandingkan dengan negara lain seperti Australia (10.6 peratus), Thailand (11.8 peratus), Indonesia (3.5 peratus), manakala Singapura (19.6 peratus)," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 di Dewan Rakyat semalam.

Anwar turut meminta kerajaan agar lebih realistik dengan kadar penguncupan terkini yang mampu memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Sehubungan itu, pakej rangsangan dari segi suntikan dana fiskal harus lebih tinggi," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiada kes baharu Kluster Tawar

PUTRAJAYA: Tiada kes baharu Kluster Tawar direkodkan semalam sekali gus menjadikan Kedah kekal dengan 200 kes positif Covid-19.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, saringan kontak rapat dan aktiviti di lapangan diteruskan.

"Sebanyak 3,436 individu disaring bagi Kluster Tawar sehingga pukul 12 tengah hari tadi (semalam) dengan 2,907 individu disaring di Kedah.

"Daripada jumlah itu, 54 kes positif manakala 2,393 individu negatif dan baki 460 individu menunggu keputusan.

"Sebanyak 518 saringan dilakukan di Pulau Pinang dan mendapati 11 kes positif, 506 negatif dan seorang menunggu keputusan.

"Di Perak kekal melakukan 11 saringan dan semua keputusan adalah negatif dan tiada saringan baharu," katanya dalam laporan harian perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Tambah Noor Hisham, situasi semasa kluster itu, dan lain-lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, terdapat tujuh kes baharu dilaporkan semalam sekali gus jumlah kes positif Covid-19 di negara ini meningkat kepada 9,274 kes dengan jumlah kes aktif kebolehhajangan adalah 184 kes.

Katanya lagi, dalam masa sama terdapat lima kes penularan di dalam negara melibatkan dua rakyat tempatan dan tiga kes bukan warganegara.

"Daripada jumlah tersebut, Sarawak mencatat tiga kes iaitu dua daripadanya kes saringan di tempat kerja.

"Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke hospital manakala satu kes individu baru balik ke negara ini," kata beliau.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA!

Tiada kes baharu Covid-19 babit Kluster Tawar

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan memaklumkan tiada kes baharu positif Covid-19 dilaporkan dalam Kluster Tawar semalam.

Pada masa sama, sebanyak tujuh kes baharu Covid-19 dilaporkan di seluruh negara dengan jumlah kes positif sebanyak 9,274 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-

lah berkata, daripada tujuh kes baharu tersebut, lima kes adalah penularan tempatan, manakala dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Menurutnya, kes penularan dalam negara adalah di Sarawak melibatkan dua warga Malaysia dan tiga warga asing.

"Daripada tiga kes warga asing tersebut, dua kes saringan di tempat kerja yang mana mereka

tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak. Satu lagi ialah kes sebelum balik ke negara asal," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, dua lagi kes penularan tempatan membabitkan warga Malaysia iaitu satu saringan di tempat kerja yang mana mangsa tidak bergejala serta telah dimasukkan ke Hospital

Umum Sarawak.

Katanya, satu lagi kes ialah saringan sebelum bersalin yang mana mangsa juga tidak bergejala serta dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

Berhubung kes import, Noor Hisham berkata, dua kes tersebut dikesan di Kuala Lumpur membabitkan warganegara yang mendapat jangkitan di Filipina dan Amerika Syarikat.

KKM tunggu laporan vaksin Rusia

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menunggu hasil laporan terkini vaksin Sputnik V yang dibangunkan Rusia bagi mengubati penularan wabak Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, laporan diterima setakat ini menyatakan vaksin tersebut belum didaftar dan dalam ujian klinikal fasa tiga.

"Ini bermakna, daripada fasa klinikal yang perlu dilalui sesuatu vaksin sebelum ia diluluskan adalah masih belum mencukupi.

"Jadi, kita masih menunggu laporan seterusnya daripada Rusia berkenaan vaksin itu," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Fasih Mohd. Fakeh (**Bersatu-Sabak Bernam**) yang mahu mengetahui pendirian kerajaan berhubung vaksin terbabit.

Tambahnya, perlumbaan mencipta vaksin Covid-19 sedang rancak berlaku di seluruh dunia dengan hampir 165 jenis vaksin dibangunkan pelbagai pihak ketika ini.

"Sebanyak 65 vaksin telah melalui fasa ujian klinikal dan hanya tujuh sahaja melepasi fasa klinikal terakhir kerana pembangunannya memerlukan masa lama," ujarnya.

Sebelum ini, Presidennya, Vladimir Putin menyifatkan Rusia negara pertama mendaftarkan vaksin Covid-19 selain saintis dunia merasakan ia perlu kajian terperinci.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Masih dalam kajian

Dakwaan saintis bahawa kadar kelembapan udara, tandas awam, habuk bawaan udara pengaruhi penyebaran Covid-19



PETUGAS Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memasang pita di sekitar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim bagi proses mengundi awal bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim, hari ini. Sepanjang proses undi awal, pematuhan garis panduan pencegahan Covid-19 yang berkuat kuasa seperti penjarakan fizikal, amalan pemakaian pelitup muka, penggunaan pensanitasi tangan dan saringan suhu badan akan dilaksanakan.

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dakwaan saintis bahawa kadar kelembapan udara yang rendah, tandas awam dan habuk atau partikel halus bawaan udara juga boleh menyebabkan jangkitan Covid-19, masih dalam peringkat kajian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu masih dalam kajian dan setiap hari Kementerian Kesihatan Ma-



aysia (KKM) belajar perkara baharu berkaitan Covid-19.

"Kita memerlukan bukti yang kukuh sebe-

lum membuat rumusan mengenai tiga faktor itu turut boleh menyumbang Covid-19 kerana ia masih dalam peringkat kajian," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Forbes yang dipetik berkata, kajian dibuat saintis ini mengambil kira tiga faktor berbeza dalam penyelidikan mereka iaitu kadar kelembapan udara yang rendah, tandas awam dan habuk atau partikel halus bawaan udara boleh menyebabkan Covid-19. Menu-

rut laporan itu, dalam satu kajian yang dilakukan di kawasan Greater Sydney, Australia menunjukkan wujud pertalian antara kadar kelembapan udara dan transmisi Covid-19 dalam kalangan komuniti setempat.

Ketua Penyelidikinya, Dr Michael Ward menyatakan terdapat bukti menunjukkan kelembapan rendah menjadi faktor penyebaran Covid-19.

Saintis menganggarkan, bagi setiap satu peratus penurunan kelembapan udara, kes jangkitan Covid-19 akan meningkat sebanyak tujuh hingga lapan peratus.

7 kes baharu dicatat

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara merekodkan tujuh kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu, 9,274 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lima kes baharu dilaporkan adalah penularan dalam negara iaitu dua warganegara dan tiga bukan warganegara.

Menurutnya, kes bukan warganegara itu dua kes saringan di tempat kerja dan mereka tidak bergejala yang dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak serta satu kes sebelum balik ke negara asal.

"Baki dua kes penularan di dalam negara pula satu kes saringan di tempat kerja dan beliau tidak bergejala serta dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak dan satu kes saringan sebelum bersalin juga tidak bergejala turut dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

"Dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara memabitkan warganegara Malaysia iaitu dari Filipina dan Amerika Sya-



Baki dua kes penularan di dalam negara pula satu kes saringan di tempat kerja di mana beliau tidak bergejala"

Dr Noor Hisham

rikat," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, enam kes pulih dan dibenarkan discaj serta jumlah kumulatif kes pulih 8,965 kes (96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Katanya, setakat ini jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 184 kes.

"Lapan kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Keselamatan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat 12 tengah hari menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal 125 kes," katanya.

3,436 kena saring dalam Kluster Tawar

Kuala Lumpur: Tiada kes baharu dalam Kluster Tawar direkodkan semalam namun saringan kontak rapat dan aktiviti di lapangan tetap diteruskan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga jam 12 tengah hari, 3,436 disaring dalam kluster itu.

Menurutnya, pecahan saringan mengikut negeri yang terbahagi adalah Kedah

(2,907 disaring), 54 kes dikesan positif Covid-19 manakala 2,393 individu negatif dan 460 individu masih menunggu keputusan.

"Di Pulau Pinang (518 disaring), 11 kes dikesan positif Covid-19, 506 individu negatif dan satu individu menunggu keputusan.

"Di Perak kekal 11 saringan apabila semua negatif dan tiada saringan baharu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : DEWAN RAKYAT

Gamat isu kuarantin

Ahli Parlimen pertikai hukuman dikenakan terhadap menteri

Oleh Yusmizal
 Dolah Aling
 yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu kuarantin membabitkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali menjadi pembuka sesi pertanyaan dan jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Ia dibangkitkan **Nik Nazmi Nik Ahmad (PKR-Setiawangsa)** yang bertanyakan mengenai denda dikenakan kepada golongan kenamaan selepas didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menjawab soalan itu, **Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali** berkata, tiada sesiapa akan mengatasi undang-undang dan negara.

Katanya, undang-undang dibuat bukan untuk men-



DR Noor Azmi

lakukan, sebaliknya untuk menyelamatkan negara ini serta nyawa orang ramai.

“Tidak ada siapa boleh mengatasi undang-undang. Kalau kita tengok sesiapa saja semasa Covid-19 ini, malah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri sendiri sudah melalui fasa kuarantin di rumah.

“Dan sesiapa saja yang melanggar, sekarang kita ke-



NIK Nazmi

nakan kompaun RM1,000. Berdasarkan Seksyen 25 Akta 342 ini, maka kompaun maksima dikenakan adalah RM1,000.

“Kalau ada kes yang lebih serius atau ada penyiasatan pihak polis, maka terpulang kepada agensi seterusnya, iaitu polis dan peguam. Kalau melalui Seksyen 24 iaitu dihadapkan ke mahkamah maka mereka akan buat keputusan yang selayaknya untuk sesuatu kesalahan di-

lakukan,” katanya.

Jawapan itu mengundang celahan daripada beberapa Ahli Parlimen yang mempertikaikan menteri terbabit kerana tidak menerima hukuman berat.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mengesahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka kertas siasatan terhadap Mohd Khairuddin kerana gagal mematuhi kuarantin wajib di rumah selepas pulang dari Turki pada 7 Julai lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan media memaklumkan Mohd Khairuddin dikenakan kompaun RM1,000 pada 7 Ogos lalu.

Beliau didapati melakukan kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta 342).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

Hanya tujuh positif Covid-19

Melibatkan lima kes penularan dalam negara dan dua kes import

Oleh **TUAN BUQHAI RAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sebanyak tujuh kes baharu positif jangkitan pandemik koronavirus (Covid-19) melibatkan lima kes penularan dalam negara dan dua kes import di Malaysia semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat jam 12 tengah hari, jumlah kumulatif kes positif wabak itu mencatatkan sebanyak 9,274 kes, sementara kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 184 kes.

"Daripada lima kes penular-

an dalam negara, dua kes melibatkan warga Malaysia dan tiga kes bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengenai dua kes membabitkan warga tempatan itu, Dr Noor Hisham berkata, kedua-duanya di-kesan di Sarawak iaitu satu kes melalui saringan di tempat kerja, manakala satu kes lagi adalah saringan sebelum bersalin. Jelas beliau, kedua-dua kes berkenaan tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

"Tiga kes penularan dalam negara melibatkan bukan warganegara dikesan di Sarawak menerusi dua kes saringan di tempat kerja.

"Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak dan satu kes sebelum



DR NOOR HISHAM

balik ke negara asal," jelasnya.

Bagi dua kes import yang kedua-duanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan warga tempatan yang masing-masing menda-pat jangkitan dari Filipina dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak enam kes telah pulih menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada virus itu adalah 8,965 kes.

Beliau juga berkata, tiada pertambahan kes kematian dilaporkan dengan jumlah keseluruhan maut akibat Covid-19 kekal sebanyak 125 kes.

"Sehingga kini, sejumlah lapan kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan lima kes memerlukan



KKM mengesan satu kes melalui saringan di tempat kerja, manakala satu kes lagi adalah saringan sebelum bersalin di Sarawak.

bantuan pernafasan," katanya.


Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan tiada kes baharu dilapor bagi Kluster Tawar di Kedah, namun saringan kontak rapat dan aktiviti di lapangan tetap diteruskan.

"Setakat ini, seramai 3,436 orang telah disaring dalam kluster ini yang merangkumi tiga negeri iaitu 2,907 individu disaring di Kedah membabitkan

54 kes positif, 2,393 individu negatif dan 460 individu masih menunggu keputusan.

"Di Pulau Pinang pula, seramai 518 individu disaring dengan 11 kes adalah positif, 506 individu negatif dan satu individu masih menunggu keputusan sementara di Perak kekal melibatkan 11 saringan dengan kesemuanya negatif," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA SINAR

16

Suara Sinar
Harian

Tiada sesiapa boleh melampaui undang-undang

SETELAH menerima kritikan dan kecaman, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dr Mohd Khairuddin Aman Razali yang ingkar mengikut perintah kuarantin selama 14 hari selepas pulang dari Turki akhirnya dikenakan kompaun RM1,000 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Namun, hukuman denda yang diterima oleh Ahli Parlimen Kuala Nerus itu tetap menimbulkan rasa tidak puas hati orang ramai, lebih-lebih lagi pemimpin pembangkang.

Mereka mempersoalkan kenapa semua pesalah dihadap ke mahkamah, tetapi Menteri Kabinet pula diberi layanan istimewa dengan membayar kompaun RM1,000 yang diundur tarikh.

Pihak kerajaan pula dituduh mengamalkan tindakan pilih kasih apabila seseorang pemimpin yang baru pulang dari luar negara boleh bergerak secara bebas menghadiri sidang Parlimen dan apabila didapati bersalah, hanya dikenakan denda dan bukan dihukum penjara bersama denda.

Mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang diwajibkan Kementerian Kesihatan, semua rakyat Malaysia atau warga asing yang pulang dari luar negara mesti menjalani kuarantin.

Jelas sekali, undang-undang itu mesti dipatuhi oleh semua orang tanpa mengira sesiapa sahaja sama ada rakyat biasa ataupun pemimpin.

Kita masih ingat bagaimana Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Noor Azmi Ghazali dan Exco Perak, Razman Zakaria, tetap tidak dapat terlepas daripada hukuman kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mereka masing-masing didenda maksimum RM1,000 oleh Mahkamah Majistret Gerik kerana bersama beberapa individu menghadiri satu jamuan di Lenggong, Perak pada 18 April lalu.

Bagi melaksanakan undang-undang yang adil dan telus, pihak kerajaan perlu meyakinkan kepada seluruh rakyat jelata bahawa sesiapa sahaja, sekiranya melakukan sesuatu kesalahan, tidak seorang pun yang terkecuali daripada menerima hukuman melalui proses undang-undang.

Kita sebenarnya terhutang budi atas usaha yang ditunjukkan oleh *frontliners* untuk mencegah Covid-19 daripada terus merebak.

Agak malang sekali Menteri sendiri pula yang sengaja memperlekehkan pengorbanan petugas-petugas 'wira-wira tak didendang' itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN

'Covid-19, PKPP sepatutnya bukan halangan rakyat sambut merdeka'

KOTA TINGGI - Penularan wabak koronavirus (Covid-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ketika ini sepatutnya bukan menjadi penghalang bagi rakyat menyambut hari kemerdekaan negara ke-63 pada 31 Ogos ini.



ADHAM

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, rakyat perlu terus menyemarakkan sambutan kemerdekaan negara walaupun dalam suasana negara berdepan dengan Covid-19 dan pembudayaan norma baharu.

"Walaupun penularan Covid-19 telah memberikan banyak kesan langsung kepada kesihatan awam, alam pekerjaan, perniagaan, ekonomi negara, persekolahan, pengajian tinggi, aktiviti keagamaan, hubungan keluarga, malah menguji silaturahim dan persahabatan di negara ini, ia bukan menjadi alasan untuk luntarnya semangat patriotik dalam kalangan rakyat bagi mengenang detik kemerdekaan negara," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata demikian pada penutup program Semarak Merdeka Kota Tinggi Prihatin 2020 bersempena Program Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di sini kelmarin.

Program tersebut merupakan anjuran Jabatan Penerangan Johor.

Turut hadir, Pengarah Penerangan Johor, Sa-barudin Yeop Hamza dan Pengerusi Majlis Belia Daerah Kota Tinggi, Fauzan Mohd Sabalas.

Program dua hari bermula kelmarin itu disertai seramai 150 belia dari Majlis Belia Daerah Kota Tinggi menerusi konvoi kenderaan sejauh 200 kilometer ke lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Tenggara, Kota Tinggi serta Pengerang.

Konvoi tersebut menganjurkan pelbagai aktiviti menyedarkan masyarakat bagi menjalani kehidupan dalam suasana norma baharu serta kaedah mematuhi prosedur operasi standard PKPP.

Dr Adham berkata, terdapat negara yang mengumumkan sudah hampir kehabisan iktiar untuk membendung wabak Covid-19 dan ada yang hampir kehabisan sumber untuk mempertahankan ekonomi negara mereka.

Namun katanya, Malaysia telah berupaya membantu rakyat dengan pelbagai inisiatif termasuk menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara dan rakyat telah mendapat manfaat dari pemulihan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan itu.

"Dari itu, pemulihan keadaan begini turut menuntut rakyat untuk sama-sama berganding bahu, prihatin dan menggalas tanggungjawab bersama dalam memastikan Covid-19 dapat dibendung dan tanah air tercinta ini perlu terus terpelihara dari semua kesan negatif wabak itu.

"Malaysia Prihatin sebagai tema bagi Hari Kebangsaan ke-63 dan Hari Malaysia tahun ini, bertepatan dengan tanggungjawab yang telah kita tunjukkan ketika mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lepas," katanya.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

'Biar pihak berkuasa siasat'

Vaksin Covid-19 seawal suku pertama 2021

KUALA LUMPUR - Pharmaniaga Bhd menjangkakan vaksin koronavirus (Covid-19) yang sedang menjalani ujian klinikal di India dan China akan berada di pasaran Malaysia pada suku pertama atau kedua 2021.

Pemangku Pengarah Urusan Pharmaniaga Bhd, Mohamed Iqbal Abdul Rahman berkata, pembuat vaksin telah mengumumkan untuk mengeluarkan vaksin itu menjelang akhir tahun 2020.

"Saya berpendapat mereka akan menyediakan untuk peringkat tempatan terlebih dahulu sebelum menawarkannya ke negara-negara lain.

"Jadi, apabila Malaysia menerima vaksin itu, kilang kami bersedia membotoikannya dengan segera," kata beliau pada taklimat prestasi kewangan dan pengumuman keputusan bagi suku kedua 2020 syarikat itu di sini semalam.

Mohamed Iqbal yang juga Ketua Pegawai Operasi syarikat itu berkata, vaksin itu akan memasuki pasaran selepas menerima kelulusan kerajaan dan memenuhi syarat undang-undang di bawah Agensi Kawal Selia Farmaseutikal Kebangsaan Malaysia (NPRA).

Beliau berkata, syarikat itu menyuntik RM2 juta untuk menggunakan semula kilang suntikan volum kecil (SVI) sedia ada di Puchong untuk proses pembangunan pembotolan vaksin Covid-19.

Pharmaniaga mempunyai tujuh kilang di enam lokasi di Malaysia dan sebuah kilang di Bandung, Indonesia.

Bagaimanapun, hanya satu daripada kilang itu iaitu Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd di Puchong yang mempunyai peralatan mencukupi untuk membangunkan vaksin Covid-19. - Bernama

Perdana Menteri ambil serius tindakan individu ingkar perintah kuarantin

Oleh AZIE YAHAYA

SHAH ALAM

Dakwaan mengenai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali yang tidak mematuhi kuarantin selepas pulang dari Turki akan diserahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya menyerahkan

perkara itu kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya mengikut proses undang-undang.

Tegas Muhyiddin, setiap rakyat tertakluk di bawah undang-undang dan tiada sesiapa pun yang terkecuali.

"Kerajaan mengambil maklum dan memandangi serius kes dakwaan pelanggaran perintah kuarantin Mohd Khairuddin selepas beliau pulang dari Turki pada 7 Julai lalu.

"Kerajaan Perikatan Nasional (PN) berpendirian bahawa setiap rakyat Malaysia tertakluk di bawah undang-undang negara dan tidak ada sesiapa pun yang terkecuali.

"Sehubungan itu, saya serahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi menjalankan siasatan yang menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut proses undang-undang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada Sabtu lalu, Mohd Khairuddin memohon maaf kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kuarantin yang ditetapkan Kementerian Kesihatan selepas beberapa hari berdepan kritikan pelbagai lapisan masyarakat.

Mengambil tanggungjawab itu, Mohd Khairuddin turut memulangkan gajinya



MUHYIDDIN

sebagai Menteri, bermula dari Mei hingga bulan ini, untuk disumbangkan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (Tabung Covid-19).

Kata beliau, langkah tersebut adalah tanda memohon maaf dan sebagai bertanggungjawab atas kesilapannya melanggar prosedur operasi standard (SOP) kuarantin wajib bulan lalu, yang menyebabkan beliau dikompauan RM1,000.



Muka depan Sinar Ahad pada 23 Ogos lalu.

KKM telah belanja RM720 juta untuk perangi Covid-19

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak RM720 juta bagi pembelian pelbagai peralatan dan bekalan perubatan dalam usaha mengawal wabak koronavirus (Covid-19).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, perbelanjaan itu direkodkan sejak usaha memerangi pandemik tersebut bermula sehingga 7 Ogos lalu.

Menurutnya, secara keseluruhan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion kepada KKM untuk menangani wabak tersebut.

"Setakat 7 Ogos lalu, KKM membelanjakan sebanyak RM720 juta bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barangan guna pakai, peralatan perlindungan diri (PPE), test kit dan lain-lain perkhidmatan," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan Ahmad Hassan (Warisan-Papar) berhubung jumlah yang dibelanjakan kerajaan Perikatan Nasional (PN) bagi memantau wabak Covid-19.

Sementara itu, ketika menjawab per-

tanyaan lisan Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (BERSATU-SABAK BERNAM) mengenai status terkini Covid-19 termasuk kes kematian, Dr Noor Azmi menjelaskan, daripada 125 kes kematian yang dilaporkan, Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu 25 orang.

Kata beliau, daripada 125 kes kematian keseluruhan itu, sebanyak empat kes melibatkan anggota petugas barisan hadapan yang juga anggota kesihatan.

Terdahulu, Dr Noor Azmi berkata, individu termasuk menteri yang didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) kuarantin di rumah tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Jelas beliau, undang-undang berkenaan bukan bertujuan mendera tetapi demi menyelamatkan Malaysia.

"Jadi sesiapa sahaja. Malah, Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) dan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) sendiri telah melalui fasa



DR NOOR AZMI

kuarantin di rumah," katanya ketika menjawab soalan tambahan Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa) berhubung ketidakpatuhan orang bernama seperti menteri sama ada perlu dikompauan jumlah lebih besar kerana melanggar SOP kuarantin di rumah.

Mengulas lanjut, Dr Noor Azmi berkata, kompauan RM1,000 yang dikenakan ke atas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali merupakan jumlah maksimum di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Kalau kes dihadapi ke mahkamah (contohnya), maka mereka (mahkamah) akan buat keputusan yang selayak untuk sesuatu kesalahan. Tidak kira sesiapa pun (akan terlepas)," katanya.

Mohd Khairuddin didakwa tidak menjalani kuarantin 14 hari sekembalinya dari Turki pada 7 Julai lalu selepas berada di negara itu selama beberapa hari.



EKSPRES/BERNAMA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

252 S.O.P. violators didn't practise physical distancing

KUALA LUMPUR: The number of people who fail to practise physical distancing and going to pubs and night clubs, which is prohibited, tops the statistics of those arrested by the police for defying the Recovery Movement Control Order (RMCO) on Sunday.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said out of 515 violators, 252 were detained for not practising physical distancing, while 205 were caught for being involved in pub and night club activities.

They were detained by the task force set up to monitor people's adherence to the standard operating procedures (SOP) at supermarkets, restaurants, hawkers, factories, banks, government buildings as well as air, land and water terminals.

On Saturday, 135 people were arrested, while 86 people were arrested on Friday. "Of the 515, 440 were served with compounds, 69 were remanded while six were given bail.

"The others were arrested for failure to provide equipment and registration to register the entry and exit of customers (18), not wearing face masks (17), failure to comply with the quarantine order (two), premises operating after hours (10), unlicensed premises (two), gambling (seven) and

failure to settle compounds (two)."

He said police took action against a person who had broken home quarantine.

Meanwhile, the Health Ministry recorded seven new cases up to yesterday, bringing the cumulative total to 9,274.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said five were local transmissions detected in Sarawak involving three non-citizens and two Malaysians.

Both of the new imported cases, he said, were detected in Kuala Lumpur and involved Malaysians returning from the Philippines and the United States.

"Six patients have been discharged from hospitals, bringing the number of people recovered from the virus to 8,965.

"A total of 184 cases are being treated at healthcare facilities.

"Eight cases are being treated at the Intensive Care Unit, of which five require breathing assistance."

The Covid-19 death toll, he said, remained at 125.

He said the Tawar cluster did not record any new case over the past 24 hours. He added that 3,436 people in Kedah, Penang and Perak related to the cluster had been screened for Covid-19.



Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail getting his temperature checked before entering the state legislative assembly building in Kuantan yesterday.
BERNAMA PIC

'Extension vital to curb complacency'

KUALA LUMPUR: Malaysians have accepted the fact that the new norm is here to stay, and they will not object to an extension of the Recovery Movement Control Order (RMCO) beyond Aug 31.

Lee Shi Ying, 25, an intern at a non-governmental organisation in Penang, said the pandemic had led her to change her lifestyle, especially when it came to ordering food.

"Before the Movement Control Order (MCO), I did not use food delivery apps since I felt more comfortable using cash to make payments. But now, I use the apps often.

"Previously, I used to recycle food containers and plastic bags after I bought food, but since the

pandemic began, I just throw them away," she said, adding she was concerned about how the virus could remain on surfaces.

She was commenting on Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba's remarks on Sunday that the ministry was recommending to the National Security Council to extend the RMCO beyond Aug 31.

Nurul Amalina Ahmad Zulkifli, 26, a preschool teacher from Puchong, Selangor, has been going through a rough patch since the MCO began in March.

"My husband's work as a badminton coach requires him to travel overseas a lot. But due to the closure of borders, his income has been badly affected.

"We make up for that by doing a part-time business in addition to our full-time jobs."

However, she agrees that extending the RMCO beyond Aug 31 was a good move.

"By extending the RMCO, people will not become complacent." French language lecturer Tan Wen See, 30, of Kuala Lumpur, said the RMCO should be extended.

"Although all my classes are conducted online, I have to do more documentation work now.

"Still, I feel the RMCO must be extended to ensure the public take precautions since new Covid-19 cases are reported daily and new clusters are emerging."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Five new local transmissions in S'wak

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Five out of seven new cases in the country were local transmissions detected in Sarawak, said the Health Ministry.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said three were foreigners and two were Malaysians.

"Of the three non-Malaysians, two were detected from a screening conducted at their workplace. Both were asymptomatic and have been admitted to the Sarawak General Hospital (SGH).

"One case was found following a screening done prior to returning to the individual's home country.

"As for the two Malaysians, one was also a case found due to screening held at the workplace. Another was detected from a screening before giving birth.

"All were asymptomatic and were brought to SGH," said Dr Noor Hisham in a statement yesterday.

The country also recorded two import cases which involved Malaysians who had returned from the Philippines and United States.

Dr Noor Hisham also announced that the country discharged six more patients, which means that the total number of recoveries is 8,965 or at a rate of 96.7%.

Cumulatively, Malaysia has 9,274 cases since the outbreak began.

The total number of active cases in the country is now 184.

Eight people have been admitted into intensive care units, with five



SOP compliance: Pedestrians wearing masks crossing a street in Bukit Bintang. With the seven new cases detected the total number of active cases in the country is now 184.

requiring ventilator support.

No deaths were reported, which means the country's death toll remained at 125, or 1.35% fatality rate.

The Tawar cluster, which has 65 cases and is currently the largest active cluster, saw no new cases yesterday.

Since the first case in the Tawar cluster was detected on Aug 12, this is only the second time it recorded no new cases in a day.

The last time was on Aug 20 when the country saw zero local transmissions and only five import cases.

Dr Noor Hisham, however, said screening activities on individuals with links to the cluster remained ongoing. As of noon yesterday, a total of 3,436 people related to the cluster had been screened.

From the active case detection, the ministry found 54 cases linked to the cluster in Kedah while another 11 were discovered in Penang.

So far, all 65 patients in the Tawar cluster have not recovered and are still undergoing treatment at hospitals. Seven of them are being treated in intensive care units.

The Tawar cluster's index case

(Patient 9,113) is a 53-year-old who had tested positive for the virus on Aug 12. The Malaysian man was a funeral gathering on July 31 and Aug 1 that was attended by family members.

Previously, Dr Noor Hisham said investigation had shown physical distancing rules were not fully adhered to at the gathering.

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Hospital probes doctors' complaints

► MOs claim they have not been paid allowances since March

■ BY KEERTAN AYAMANY
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Sungai Buloh Hospital said it is conducting an investigation into allegations that medical officers working in the hospital have not been paid various allowances since March.

When contacted by *theSun*, a hospital communications official declined to say if the allegations were true. Instead, he said, future inquiries should be directed to the Health Ministry.

"We are still conducting our investigations and will submit the findings

to the Health Ministry, which is already aware of the situation. Please direct your future questions to the ministry," the officer said yesterday.

Yesterday, healthcare news portal CodeBlue quoted an unidentified contract medical officer as saying that medical officers who were relocated to Sungai Buloh Hospital in March in a Covid-19 response have yet to be paid their relocation allowance.

The individual, who requested to remain anonymous due to legal restrictions, said medical officers have also not been paid their on-call allowances and Covid-19 claims since June.

According to the individual, medical officers are now again being transferred, this time out of the hospital, and are cash strapped due to high moving costs and other monetary commitments.

"Maybe some people will say - 'be patient, sooner or later you will get your

pay'. But Sir, we've been moving across the country in a very short period of time now. We move here and there. Do the superiors, administration, finance unit or government think all of us are singles?" the medical officer asked.

"We have children and spouses. Moving is never easy. We need to rent a lorry from Kelantan to Selangor, then relocate again to Malacca, for example. We have to pay school fees, cost of childcare, rental and deposit etc," he said.

The individual said that all inquiries into their payment have met with tepid response from the hospital's finance division and he alleged that superiors would not care about their concerns unless they "go viral".

The individual added that medical officers are paid less than housemen and face discrimination at their workplace, alongside with threats of consequences if they highlight their problems online.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Seven new Covid cases, none from Tawar cluster

PETALING JAYA: Seven new Covid-19 cases were recorded as of noon yesterday, of which five were locally transmitted cases detected in Sarawak.

Two were imported cases involving Malaysians returning from the Philippines and the United States.

Health Ministry Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said none of the local transmissions were from the Tawar cluster, which has affected

3,436 individuals.

"Of the five locally transmitted cases in Sarawak, two are Malaysians and three foreigners," he said in a statement yesterday.

He added that two of the three non-Malaysian cases were detected after being screened at their workplace.

"They did not show any symptoms and were sent to the Sarawak General Hospital. The remaining case was detected before returning."

On the two cases involving Malaysians, one was detected after being screened at the workplace, while the other involved a pregnant woman. The two imported cases involving Malaysians were detected in Kuala Lumpur. This brings the number of cumulative cases to 9,274.

Six were discharged, which brings the total number of recoveries to 8,965. There were no new deaths and the death toll remains at 125.